



#### Jubli Perak Kosass UPM disambut penuh istiadat



*D.Y.M.M Tuanku Canselor UPM telah berkenan merasmikan Mercu Tanda Jubli Perak KOSASS.*

**SERDANG, 26 Julai** – Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSASS) Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mencatatkan sejarah yang tersendiri apabila Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah menyerikan perasmian Jubli Perak KOSASS UPM baru-baru ini.

Majlis tersebut diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun ke-25 penubuhan kolej tersebut yang telah dibina pada tahun 1983 dengan nama asal Kolej Kediaman Ke-7 dan ditukar kepada Sultan Alaeddin Suleiman Shah untuk mengenangkan jasa Almarhum kepada UPM pada 26 April 1996.

Majlis tersebut dimulakan dengan keberangkatan tiba Tuanku Canselor UPM pada jam 10 pagi sambil disambut oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah, Pihak Pengurusan UPM, Pegawai-pegawai UPM dan pelajar-pelajar KOSASS.

Selepas keberangkatan tiba Baginda, nyanyian lagu Negeri Selangor dikumandangkan oleh Regimen Askar Melayu dan seterusnya baginda melakukan pemeriksaan Perbarisan Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) UPM.

Sebelum merasmikan mercu Tanda Jubli Perak KOSASS, pelajar KOSASS yang ingin melihat lebih dekat Tuanku, sempat bersalam dengan baginda.

Baginda seterusnya melawat Galeri Canselor KOSASS untuk melihat gambar-gambar bersejarah ayahanda baginda ketika merasmikan majlis pertukaran nama baru Kolej Kediaman Ketujuh kepada Sultan Alaeddin Suleiman Shah.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata bahawa majlis tersebut merupakan usaha mengingati sumbangan pelbagai pihak daripada generasi awal termasuk warga kolej dan universiti kepada kecemerlangan UPM.

"Almarhum Sultan Alaeddin Suleiman Shah yang merupakan Nenda Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor UPM telah berkenan menyaksikan perasmian pembukaan Sekolah Pertanian Malaya pada tahun 1931, yang kini telah menjadi sebuah universiti penyelidikan yang terkenal di persada antarabangsa," katanya lagi.

Beliau berkata bahawa KOSASS terkenal melalui aktiviti PALAPES dan telah melahirkan 2000 pegawai muda sejak tahun 1983.

Sambutan Jubli Perak KOSASS telah berlangsung selama 4 hari bermula 24 Julai yang lalu sehingga 27 Julai 2008 dan banyak aktiviti telah diadakan antaranya Majlis bacaan yasin dan doa selamat, Pameran Kesihatan dan Derma Darah, Pameran Kerjaya, Ekspo Informatif Jubli Perak, pendaftaran Alumni KOSASS, Makan Malam Majlis Sinaran Intan Tujuh ke lapan, Karnival Sukan Intan Tujuh dan Karnival Sukan Jubli Perak.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Kerabat Diraja Selangor iaitu Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Pelaling Dato' Seri Indah Diraja Dato' Hj. Abu Bakar Hj. Abdul Hamid, Tengku Besar Putra Selangor Tengku Ismail Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj dan Tengku Aris Temenggong Selangor Tengku Muhammad Yusof Shah Ibni Almarhum Sultan Alaeddin Suleiman Shah.



*Pegawai Perbarisan PALAPES memohon perkenan Tuanku untuk memeriksa Perbarisan PALAPES UPM.*